



The Doctrine of Wahdatul Wujud: The Issue of Contamination of the Study of Islamic Sufism with Greek Philosophy

Doktrin Wahdatul Wujud: Isu Pencemaran Pengajian Ilmu Tasawwuf Islam Dengan Falsafah Yunani

Matussein Haji Jumat^{1*}

¹Fakulti Usuluddin, KUPU SB, BRUNEI

*Corresponding Author

DOI: <https://doi.org/10.30880/jstard.2021.02.03.026>

Received 30 September 2020; Accepted 30 November 2020; Available online 31 December 2020

Abstract: This study discusses the doctrine of wahdatul wujud which sneaks into the discipline of the study of tasawwuf. This doctrine is said to be sourced from India and circulated to the archipelago by the ulemas Hamzah Shamsuddin Fansuri and as-Sumatrani and strengthened through scientific research thesis nowadays seems to part of the doctrine of Islamic scholarship. This situation prompts the author to study the errors of this doctrine in an effort to defend the purity of monotheism from the pollution done through tasawwuf. The study found that this doctrine uses the verses of mutasyabihat in the interpretation of the Qur'an to adapt to the will of wahdatul wujud which all lead to the incarnation of the essence of Allah Ta'ala in all beings that is an understanding that contradicts the belief in the nature of the twenty beliefs of Ahli Sunnah Wal Jamaah. Thus, the doctrine of wahdatul wujud is pollution of aqeedah thinking which is actually not related to the discipline of the study of tasawwuf according to the teachings of Islam.

Keywords: Doctrine of wahdatul wujud, Islamic sufism, greek philosophy, contamination

Abstrak: Kajian ini membincangkan tentang doktrin wahdatul wujud yang menyelinap masuk ke dalam disiplin pengajian ilmu tasawwuf. Doktrin ini dikatakan bersumber dari India dan disebarluaskan ke kepulauan Melayu oleh ulama Aceh Hamzah Fansuri dan Syamsuddin as-Sumatrani dan diperkukuhkan melalui tesis penyelidikan ilmiah masa kini seolah-olah doktrin ini sebahagian dari sumber keilmuan Islam. Keadaan ini mendorong penulis mengkaji kesalahan doktrin ini dalam usaha mempertahankan kesucian tauhid dari pencemaran yang dilakukan melalui tasawwuf. Kajian mendapati doktrin ini mempergunakan ayat-ayat mutasyabihat dalam penafsiran al-Qur'an untuk menyesuaikan kehendak wahdatul wujud yang kesemuanya menjurus kepada penjelmaan zat Allah Ta'ala pada sekalian makhluk iaitu fahaman yang bercanggah dengan kepercayaan sifat dua puluh aqidah Ahli Sunnah Wal Jamaah. Dengan demikian, doktrin wahdatul wujud merupakan pencemaran pemikiran aqidah yang sebenarnya tidak berkaitan dengan disiplin pengajian ilmu tasawwuf menurut ajaran Islam.

Kata Kunci: Doktrin wahdatul wujud, Islamic sufi, falsafah yunani, pencemaran

1. Pengenalan

Pada zaman awal perkembangan tasawwuf dalam bentuk pengajian ilmu, ahli sufi dengan berteraskan corak keislaman tulen yang menguasai kehidupan rohaniah menjadikan kezuhudan sebagai tabiat dan sifat keistemewaan tasawwuf. Mereka belum terkesan dengan peninggalan falsafah Yunani, jika sekalipun mereka mengetahuinya, penerimaan dan masukan istilah-istilah falsafah tidak berlaku, malah penggunaan dan penyesuaiannya dengan hasil rasa-rohani dalam amali tasawwuf tidak dapat diterima. Walau bagaimanapun, selepas kurun keenam falsafah Yunani menjadi salah satu sumber kepada setengah unsur-unsur dan aliran tasawwuf kesan tindakan segelintir ahli sufi terkemudian dalam usaha memperkembangkan pengajian ilmu tasawwuf dan melahirkan rasa-rohani dengan mencedok dan menggunakan istilah-istilah falsafah dari Plato, Aristotle, New Platonisme dan sebagainya meliputi aliran yang membicarakan tentang Zat Ilahiyah, hakikat Muhammadiyah, ma'rifat, wahdatul wujud dan seumpamanya. Tindakan ahli sufi terkemudian ini memberikan impak negatif terhadap ketulenan pengajian ilmu tasawwuf dan tradisi kerohanian Islam. Masukan istilah-istilah falsafah telah mencemarkan pengajian ilmu tasawwuf sama ada dalam bentuk fahaman, amalan dan kepercayaan aqidah umat Islam. Tanggungjawab ke arah mensucikan ilmu tasawwuf dari anasir-anasir yang tidak bersumber Islami berkemunculan abad demi abad bagaikan isu pencemaran tasawwuf merupakan polemik yang belum mungkin berkesudahan dengan kata penghujung.

Ini terbukti bila ulama-ulama besar seperti Imam al-Ghazali (505H/1111M), Imam al-Qusyairi (465H/1073M), Syeikh Nuruddin al-Raniri (1658M) dan sebagainya telah banyak kali berhujah dalam mempertahankan kesucian tasawwuf, malah fatwa-fatwa ulama kini memutuskan bahawa doktrin wahdatul wujud, hulul dan ittihad adalah salah dan kufur, namun sehingga kini, doktrin ini masih segar berlegar menyebarkan kekeliruan pemikiran tasawwuf generasi umat Islam. Ini memberikan suntikan semangat para ahli akademik dan ilmuan Islam agar meneruskan kesinambungan kesungguhan usaha ulama silam dalam menangani doktrin wahdatul wujud berulang-ulang kali dan memadamkan bahang bahayanya dari terus mengancam kelangsungan pengajian ilmu tasawwuf berlandaskan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah.

2. Latar Belakang Doktrin Wahdatul Wujud

Wahdatul wujud berasal dari bahasa Arab secara literalnya bermaksud kesatuan atau keesaan wujud. Menurut Profesor Dr. Mahmoud Hamdi Zaqzouk,¹ pemikiran yang mendakwa tentang kesatuan antara Allah dan makhluk itulah sebenarnya aliran wahdatul wujud yang menjadikan Allah dan makhluk hakikat yang satu² dan penggunaan istilah wahdatul wujud dalam bahasa Arab sinonim dengan pengkataan *Pantheism* dalam bahasa English.³

Wahdatul wujud menurut Hamzah Fansuri⁴ (1590M) mempercayai bahawa wujud yang sesungguhnya ialah wujud Tuhan dan manusia berasal dari pancaran Tuhan atau berupa bayangan sifat Tuhan, dan sifat tidak dapat dipisahkan dari wujud. Fahaman ini meyakini kesatuan wujud manusia dengan wujud Tuhan.⁵ Kesatuan atau keesaan wujud itu adalah mutlak yang menyeluruh menghapuskan sebarang bentuk perbezaan antara Pencipta dan yang dicipta kerana semua itu adalah satu hakikat yang nampak berbilang dan berbagai pada lahirnya sahaja, sama seperti angka satu dibandingkan dengan angka-angka lain ia berbilang dalam bentuk banyak tetapi asasnya satu. Bilangan merupakan ulangan daripada angka satu.⁶ Jika bilangan sepuluh, maka angka satu diulang sebanyak sepuluh kali. Begitulah dengan wujud sebenar hanyalah satu iaitu wujud Tuhan semata. Wujud Tuhan dan makhluk seluruhnya adalah benda (maddi) yang satu⁷ tidak ada pemisah antara Pencipta dan yang dicipta. Doktrin ini menggambarkan Tuhan tidak mahu berpisah dengan ciptaannya selepas dicipta, malah tidak mahu berenggang dari pengetahuan manusia agar selalu berdamping denganNya.

Doktrin wahdatul wujud menurut Profesor Dr. Mahmoud Hamdi Zaqzouk merupakan aliran pemikiran ahli falsafah Yunani kuno seperti Thales (585BC), Anaximenes(528BC), Heraclitus (475BC) dan ahli falsafah Eropah moden Benedict Spinoza (1677M) yang berpendapat benda, kehidupan dan roh merupakan unsur-unsur sampingan dari hakikat yang tidak diketahui (Tuhan). Aliran ini digelar sebagai ontologi monism kerana berpegang kepada asal satu sahaja, seperti Thales berpendapat asal satu itu ialah air dan dari air berkemunculan segala kehidupan, bagi Anaximenes pula asal sesuatu ialah udara dan bagi Heraclitus asal sesuatu adalah daripada api. Aliran monism ini merupakan aliran terawal dalam memperkatakan tentang sifat dan asal usul mengenai realiti mutlak apa yang wujud di dunia dan susun aturnya.⁸

¹ Profesor Dr. Mahmoud Hamdi Zaqzouk adalah mantan Menteri Waqaf, Mesir. Sebelum itu beliau adalah Dekan Fakulti Usuluddin dan Timbalan Rektor Universiti al-Azhar.

² Zaqzouk, Dr. Mahmoud Hamdi, (1993), *Dirāsāt fī al-Falsafah al-Hadīthah*. Kaheerah: Dar al-Fikr al-'Arabi, h. 114.

³ *ibid*, h. 113.

⁴ Hamzah Fansuri merupakan seorang ulama ahli sufi di Wilayah Aceh dan sasterawan yang terkenal berasal dari Barus, pantai barat Sumatera Utara. Pengaruh ajarannya tersebar hingga ke Tanah Melayu, Tanah Jawa dan Kalimantan. Di antara naskhah tulisannya ialah *Syair Perahu*, *Syair Burung Pingai*, *Syair Dagang*, *Asrarul Arifin*, *Zainul Muwahhidin* yang disebut juga sebagai *Syarabul Asyiqin*.

⁵ H.O.K Rahmat, (1983), *Pencemaran Akidah di Nusantara*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 51.

⁶ Mohamad Reda al-Liwati, (1994), *al-Ma'rifat wa al-Nafs wa al-Ulūhiyyah fī al-Falsafati al-Islāmīyyati wa al-Madāris al-Falsafīyyati al-Ukhrā*. Beirut: Dar al-Saqi, h. 155.

⁷ *ibid*, h. 153.

⁸ Zaqzouk, Dr. Mahmoud Hamdi, (1992), *Tamhīd lil Falsafah*. Kaheerah: Dar al-Ma'arif, h. 167-168.

Kemunculan Spinoza ahli filosofi Eropah mencipta monisme yang radikal bila mendefinisikan bahan (جوهر) sebagai yang terkandung dalam dirinya dan melalui dirinya sendiri, tidak mengharap benda lain yang daripadanya akan membentuknya, penyebab dirinya dan kewujudan dimiliki oleh zatnya, memiliki sifat yang tidak terhingga dan tidak dapat dibahagikan dan abadi itu sinonim dengan Tuhan dan dalam masa yang sama juga sinonim dengan alam semesta.⁹ Spinoza amat termasyhur dengan perumpamaannya tentang Tuhan dan alam semesta seumpama satu matawang yang mengandungi dua permukaan sebelah-menyebelah. Tuhan adalah akal dan dalam masa yang sama juga adalah benda. Tidak ada kewujudan melainkan Tuhan semata dan alam semesta sebahagian daripada Tuhan.¹⁰ Dengan kata lain, Tuhan adalah segalanya dan segalanya adalah Tuhan (God is everything and everything is God).¹¹

Unsur-unsur falsafah ini menyerap masuk ke dalam pengajian ilmu tasawwuf bermula di Nishapur, Khurasan¹² oleh segelintir ulama ahli sufi, ahli telek dan juga filosofi yang terpengaruh dengan doktrin wahdatul wujud seperti Bayazid al-Bistami (874M), Abu Mansur al-Hallaj (309H/922M), Umar al-Farid (1235M) dan Abu Mohammad Sab'ain (1269M).¹³ Dalam hal ini, Ibn Khaldun (808H/1406M) telah menyelar ahli sufi mutakhir ini sebagai penganut kesatuan mutlak (ahlul wihdat al-muthlaqah)¹⁴ kerana mempercayai orang-orang yang sudah bersih bersatu dengan Tuhan sehingga tidak ada perbezaan antara dirinya dan Tuhan. Mereka menurut Ibn Khaldun menganut faham hulul dan wihdat¹⁵ yang menyatakan Tuhan tidak berpisah malah bersatu dengan makhluk-makhlukNya dalam erti Dia berinkarnasi (hulul) di dalamnya, atau dalam erti Dia adalah sama dengan makhluk-makhlukNya, tidak ada sesuatu pun selain Dia secara keseluruhan.¹⁶

Doktrin wahdatul wujud setelah menyerap masuk digarap dalam pengajian tasawwuf oleh ahli sufi mutakhir tidak lagi senada dengan *pantheism* atau *penentheism* mahu pun *existential monism*, malah bukan juga merupakan sesuatu yang timbul daripada *natural mysticism*.¹⁷ Pemikiran wahdatul wujud menurut ahli falsafah Yunani tergambar dari ungkapan Tuhan ialah alam (الله هو العالم)¹⁸ amat berbeza dengan fahaman ahli sufi yang merujuk kepada Tuhan dalam alam (الله في العالم)¹⁹ iaitu gambaran tentang Tuhan selain alam kemudian berlaku *hulul* padanya atau menzahirkan dalam gambaran ciptaan di samping mengekalkan kewujudan mutlak Tuhan sebagai Pencipta dan alam sebagai benda yang dicipta atau diadakan (maujud). Tuhan selain alam mengganti tempatNya secara hulul atau menzahirkan (tajalli) dalam bentuk kebendaan dengan mengambilkira kewujudan mutlak.

Wahdatul wujud menurut perspektif ahli sufi lebih bersifat kerohanian (rohi) yang mengungkapkan kepercayaan tentang unsur keTuhanan yang memainkan peranan dan mengambil tempat utama dengan meyakini Tuhan sebagai suatu hakikat yang azali serta memiliki kewujudan yang mutlak lagi wajib sehingga Dia adalah asas dan sumber kepada seluruh wujud lain selain dariNya. Wujud Tuhan mengatasi semua alam semesta dan alam semesta tidak terputus hubungan denganNya, malah tenggelam di dalamNya.²⁰ Ini memberikan gambaran hanya satu wujud sahaja yang bertaraf wujud hakiki, iaitu Tuhan. Manakala kewujudan yang selain Tuhan berada pada satu taraf yang diistilahkan sebagai sama ada bayang, khayal, mimpi atau hanya di dalam tanggapan²¹ iaitu tergantung *sensibilia* mula adanya pada sebahagian daripada persepsi sensual manusia, bahkan semua benda maujud yang bersifat *intelligibilia* atau objek-objek khayalan tergantung kepada persepsi intelektual. Oleh itu, setiap yang diadakan adalah tergantung kepada *transcendelia* kemampuan fikiran manusia yang menanggapinya. Sekiranya persepsi manusia mengandaikan sesuatu itu tidak ada, maka tidak ada perincian dalam kewujudan. Sehubungan dengan pemikiran ini, kewujudan rasa panas dan dingin, keras dan lembut, dan malahan apa yang ada di bumi, air, api dan binatang-binatang hanya kerana terdapat indera-indera yang merasakannya bahawa kesemua ini wujud. Perincian yang tidak ada di dalam kewujudan menjadikan ianya mungkin wujud kepada orang yang menanggapinya.

Doktrin wahdatul wujud tersebar meluas di Nusantara setelah diperkenalkan dan diajar oleh ahli sufi seperti Muhammad Fadhlullah al-Burhanpuri (1620M) yang datang dari India²² dengan bukunya *al-Tuhfah al-Mursalat ila*

⁹ Zaqzouk, Dr. Mahmoud Hamdi, (1993), *Dirāsāt fī al-Falsafah al-Hadīthah*. Kaherah: Dar al-Fikr al-‘Arabi, h. 113-114.

¹⁰ Mohamad Reda al-Liwati, (1994), *al-Ma‘rifat wa al-Nafs wa al-Ulūhiyyah fī al-Falsafati al-Islāmīyyati wa al-Madāris al-Falsafīyyati al-Ukhrā*. Beirut: Dar al-Saqi, h. 153.

¹¹ Zaqzouk, Dr. Mahmoud Hamdi, (1993), *Dirāsāt fī al-Falsafah al-Hadīthah*. Kaherah: Dar al-Fikr al-‘Arabi, h. 113.

¹² Pada hari ini Nishapur, Khurasan terletak di Timur Laut Iran. Nishapur amat terkenal dengan institusi keilmuan menggantikan Baghdad selepas kejatuhan empayar Abbasiyah dengan melahirkan ulama-ulama besar seperti Imam Muslim (261H/875M), Abu Abd al-Rahman al-Sulami (1021M), Abu Nu‘aym al-Isfahani (1037M), Abu al-Qasim al-Qusyairi (1073M), Imam Abu Hamid al-Ghazali (1111M) dan ramai lagi.

¹³ ‘Abd al-Rahman bin Khaldun, (1993), *Mukaddimah Ibn Khaldūn*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyah, h. 386; Mohamad Reda al-Liwati, (1994), *al-Ma‘rifat wa al-Nafs wa al-Ulūhiyyah fī al-Falsafati al-Islāmīyyati wa al-Madāris al-Falsafīyyati al-Ukhrā*. Beirut: Dar al-Saqi, h. 154.

¹⁴ ‘Abd al-Rahman bin Khaldun, (1993), *Mukaddimah Ibn Khaldūn*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyah, h. 384-386.

¹⁵ *ibid*.

¹⁶ *ibid*, h. 383.

¹⁷ Nasr, Seyyed Hossein, (1969), *Three Muslim Sages*. Cambridge: Harvard University Press, h. 118 & 124.

¹⁸ Mohamad Reda al-Liwati, (1994), *al-Ma‘rifat wa al-Nafs wa al-Ulūhiyyah fī al-Falsafati al-Islāmīyyati wa al-Madāris al-Falsafīyyati al-Ukhrā*. Beirut: Dar al-Saqi, h. 153.

¹⁹ *ibid*, h. 154.

²⁰ ‘Abd al-Rahman bin Khaldun, (1993), *Mukaddimah Ibn Khaldūn*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyah, h. 383; Zakaria Stapa & Mohamed Asin Dollah, (2001), *Islam Akidah dan Kerohanian*. Malaysia: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, h. 125.

²¹ ‘Abd al-Rahman bin Khaldun, (1993), *Mukaddimah Ibn Khaldūn*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyah, h. 385-386.

²² Abdulfatah Haron Ibrahim, (1999), *Ahli Sunnah dan Wujudiah-Batiniah (Mengenai Ajaran Salah)*. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, h. 278.

Ruh al-Nabi yang menjelaskan doktrin ini melalui penghuraian martabat tujuh,²³ yang membawa makna doktrin wahdatul wujud yang tersebar di kawasan Nusantara ini difaham bukan setakat hulul malah meliputi fahaman yang menjurus kepada tajalli Tuhan pada makhluk dengan anggapan Tuhan pada mula merupakan perbendaharaan terpendam, lalu Tuhan menciptakan alam semesta agar dapat dikenal. Kenyataan ini diperkukuhkan oleh ahli-ahli sufi berdasarkan nukilan yang menurut mereka sebagai hadis:

“Aku pada mulanya adalah harta yang tersembunyi, kemudian Aku ingin dikenali, maka Aku ciptakan makhluk dan melalui Aku mereka pun kenal pada-Ku.”²⁴

Manakala kaedah untuk dapat bertemu dan bersatu dengan Tuhan menurut ahli sufi mutakhir ialah dengan cara mengetahui dan mengamalkan sabda Nabi Muhammad salallahu ‘alaihi wasallam:

من عرف نفسه فقد عرف ربه

(Barangsiapa mengenal dirinya, maka sesungguhnya ia mengenal Tuhannya)

Hadis ini dipergunakan untuk mengukuhkan hujah doktrin wahdatul wujud tentang hubungan manusia (maujud) dengan Allah (wujud) yang digagaskan sebagai tidak mempunyai sebarang perbezaan.²⁵ Hubungan manusia (maujud) dengan Allah (wujud) diumpamakan oleh Hamzah Fansuri seperti ombak dan air laut. Ombak dilihat secara zahir nampak berbeza dengan air laut, tetapi pada hakikatnya ombak berasal daripada air laut. Demikian juga, manusia dilihat secara zahir nampak berbeza dengan Tuhan, tetapi pada hakikatnya manusia berasal dari Tuhan. Perumpamaan lain ialah seperti pohon dan biji, secara zahir nampak berbeza, tetapi pada hakikatnya pohon berasal daripada biji atau dalam kandungan biji. Begitu juga umpama matahari, cahaya dan panas, secara zahir nampak berbeza, tetapi pada hakikatnya berasal daripada satu iaitu matahari.

Ulama-ulama Nusantara lain yang berperanan dalam penyebaran doktrin wahdatul wujud ialah seperti Syamsuddin as-Sumatrani²⁶ (1630M) di wilayah Sumatera, Syekh Yusuf al-Makassari (1699M) di wilayah Sulawesi, Muhammad Nafis al-Banjari (1812M) di wilayah Kalimantan dan ramai lagi. Naskah-naskah tulisan tangan mereka tersebar meluas ke seluruh rantau Nusantara dan masih boleh diperolehi hingga ke hari ini.

3. Pencemaran Wahdatul Wujud Dalam Pengajian Ilmu Tasawwuf Islam

Pengajian ilmu tasawwuf bukan suatu perkara baru yang menyampuk dalam Islam, bukan bersumber dari orang-orang mu'allaf dari kalangan ahli kitab Yahudi, Nasrani dan Buddha dan ahli tasawwuf bukan ahli khurafat dan ahli bid'ah.²⁷ Pengajian ilmu tasawwuf menurut Ibn Khaldun (808H/1406M) adalah sebahagian daripada ilmu-ilmu syariat²⁸ yang sememangnya berakar umbi daripada ajaran Islam. Ilmu tasawwuf berkait erat dengan akidah dan syariah hingga menjadi tiga serangkai yang saling berkait menegakkan ajaran Islam. Tasawwuf yang suci bersumberkan daripada wahyu Allah Ta'ala dan dinisbahkan kepada imam-imam tarikat yang berperanan memelihara kaedah-kaedah tarikat dan dasar-dasarnya. Manakala ahli sufi yang mengamalkan ilmu tasawwuf menurut Imam al-Qusyairi (465H/1073M) adalah orang-orang pilihan Allah Ta'ala yang dimuliakan dan dilebihkan mereka dari segala makhluk dan hamba-hambanya setelah Allah Ta'ala memuliakan rasul-rasul dan nabi-nabi *salawatullahi 'alaihim*, dan Allah Ta'ala jadikan hati mereka lubuk ilmu dengan rahsia-rahsia Allah serta dikhususkan dengan cahaya hati, cahaya ilmu dan makrifat. Mereka menjadi tempat tumpuan orang memohon bantuan dan mereka sentiasa berjalan berlingkar perjalanan mereka dengan kebenaran dan hak. Setengah dari sifat mereka ialah lemah lembut, belas kasihan, rahmat, memaafkan kesalahan hamba-hamba Allah dan tiada mengambil tindakan ke atasnya.²⁹ Dr. Ahmad Syarbasi menggambarkan ahli-ahli sufi sebagai orang-orang yang mentahqiqkan di dalam jiwanya dengan sifat-sifat ikhlas, muraqabah dan redha pada tahap (maqam) yang amat tinggi.³⁰

Ilmu tasawwuf telah muncul sebagai satu pengajian ilmu yang tersusun secara sistematik selepas ia pada mulanya merupakan tidak lebih daripada hanya cara atau bentuk peribadatan semata-mata. Isi perbincangan pengajian ilmu tasawwuf atau hal-hal tasawwuf dan tarikat meliputi tentang muraqabah, muhasabah, taubah, inabah, zikir, fikr, mahabbah, tawakkal, reda, taslim (menyerah kepada Allah), zuhd, sabar, sidq, benar, mujahadah membersihkan diri dari keji, melawan nafsu dan tuntutan hawa dan syahwat yang kesemuanya membentuk peribadi muslim yang mulia sebagaimana tuntutan ajaran Islam menurut panduan al-Qur'an dan hadis Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*

²³ Martabat tujuh menurut al-Burhanpuri ialah Ahadiya, Wahda, Wahidiya, 'Alam al-Arwah, 'Alam al-Mitsal, 'Alam al-Ajسام dan 'Alam al-Insan. Tuhan menampakkan diriNya (tajalli) melalui tujuh tahap wujud dan penciptaan manusia merupakan tahap terakhir. Wujud hakiki dan realiti tunggal ialah Tuhan dan selainnya adalah manifestasi dari zat Tuhan.

²⁴ 'Abd al-Rahman bin Khaldun, (1993), *Mukaddimah Ibn Khaldun*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiah, h. 385.

²⁵ Sangidu, Dr. M.Hum, (2008), *Wahdatul Wujud Polemik Pemikiran Sufistik antara Hamzah Fansuri dan Syamsuddin as-Sumatrani dengan Nuruddin ar-Raniri*. Indonesia: Gama Media, h. 206.

²⁶ Syamsuddin as-Sumatrani adalah pengikut dan murid kanan Hamzah Fansuri.

²⁷ Ismail bin Omar Abdul Aziz, Dr Ustaz Awang Haji (2003), *Tasawuf dan Tarikat Menurut Pandangan Ahli Sunnah Wal Jamaah*. Brunei: Pusat Da'wah Islamiah, h. 18.

²⁸ 'Abd al-Rahman bin Khaldun, (1993), *Mukaddimah Ibn Khaldun*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiah, h. 381.

²⁹ Al-Nisaburi, Abi al-Qasim 'Abd al-Karim Hawazin al-Qusyairi, (1991), *Al-Risalah al-Qusyairiah fi 'Ilmi al-Tasawuf*. Beirut: Dar al-Khair, h. 36.

³⁰ Syarbasi, Dr Ahmad (1981), *Yasalunaka fi al-Din wa al-Hayat*. Beirut: Dar al-Jail, h. 559.

melalui pelaksanaan praktikal ibadah dan zikir-zikir dengan matlamat mendekati diri kepada Allah *subhanahu wa Ta'ala*. Ahli sufi yang tulen adalah pengikut perjalanan Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*, perjalanan sahabat-sahabat Rasulullah *shalallahu 'alaihi wasallam* dan Ahli Sunnah Wal Jama'ah daripada kalangan Tabi'in dan imam-imam Abu Hanifah, Malek, as-Syafi'e, Ahmad bin Hanbal dan imam-imam lain yang besar yang dii'timadkan oleh umat Islam.

Pengajian ilmu tasawwuf mencapai tahap kematangan dan kesempurnaan pada abad ketiga Hijrah. Ulama-ulama ahli sufi terkemuka ada tercatat dalam lembaran sejarah silam tamadun umat Islam seperti Sheikh al-'Arifin Imam al-Tustari (283H/896M), Imam al-Junayd al-Baghdadi (298H/910M), Imam Abu al-Qasim al-Nasrabadi (977M), Imam Abu al-Qasim al-Qusyairi (465H/1073M), Imam Abu Hasan asy-Syadzali (656H/1258M) dan banyak lagi jaguh-jaguh ulama sufi tersenarai dalam kenangan kegemilangan ilmu ini khususnya dalam dua kurun terawal Islam. Malah kalangan ahli sufi antara sebab keunggulan mazhab Ahli Sunnah Wal Jama'ah berbanding dengan mazhab-mazhab yang lain dan amalan tasawwuf itu sendiri merupakan manifestasi penghayatan akidah dan syariat Islam.

Melihat kepada keaslian ilmu tasawwuf dan kehebatan ahli sufi amat sukar untuk menerima isu pencemaran yang menimpa pengajian ilmu tasawwuf, apatah lagi ahli sufi merupakan lawan kepada orang-orang ahli bid'ah seperti Muktaizilah, Khawarij, Syiah, Mujassimah, Musyabbihah dan sebagainya. Namun inilah hakikat yang terpaksa diterima dan diakui sendiri oleh golongan ahli sufi, terdapat unsur penyelewengan di kalangan segelintir pengamal pengajian ilmu tasawwuf. Imam Tajuddin as-Subki as-Syafi'e (771H/1355M) pernah menyatakan kerisauannya betapa sulit mengenali ahli sufi disebabkan terlalu banyak penyamar-penyamar sebagai ahli dalam tasawwuf.³¹ Dr. Ahmad Syarbasi pula memberi ingatan akan ramai yang mendakwa sebagai ahli sufi, tetapi segelintir sahaja yang benar-benar ilmu dan berada di atas landasan kebenaran.³²

Hujjatul Islam Imam al-Ghazali telah berhempas pulas menangani pengajian ilmu tasawwuf dari anasir yang mencemarkannya agar bersandar kepada syariat Islam, akan tetapi pemikiran al-Hallaj muncul semula dan terus berkembang dalam pemikiran hulul dan wahdatul wujud.³³ Teknik ini sama ada disenghajakan atau tidak, teori dan amali tasawwuf telah diperalatkan secara berkesan dalam menentang akidah Ahli Sunnah Wal Jama'ah dengan masukan doktrin wahdatul wujud sebagai anasir atau virus yang mencemarkan keaslian pengajian ilmu tasawwuf. Pencemaran tasawwuf terus berlaku atas dokongan ahli akademik yang membuat toleransi dalam isu wahdatul wujud dengan membenarkannya sebagai sebahagian unsur-unsur dalam kandungan pengajian ilmu tasawwuf kerana bersumber dari ulama terkenal yang dianggap ulung tidak tercapai ketinggian ilmunya oleh sesiapaupun.

Doktrin wahdatul wujud menyerap masuk dalam pengajian ilmu tasawwuf terjadi hanya selepas kurun keenam Hijrah.³⁴ Fenomena ini berlaku setelah ahli sufi dalam usaha mentadbirkan rasa-rohani *wijdaniyyat* untuk menggambarkan hakikat-hakikat yang terbuka pada ketika mengalami rasa-rohani telah mencipta istilah-istilah yang menjadi lambang, simbol atau isyarat yang dapat menggambarkan hakikat yang mereka dapati disebalik istilah-istilah yang setengahnya mengambil daripada kamus-kamus falsafah Yunani hingga menjadi satu sumber kepada setengah unsur-unsur dan aliran tasawwuf. Tindakan ahli sufi mutakhir ini tidak lain hanya untuk mengusahakan suatu bentuk tanggapan yang khusus dari apa yang terjadi melalui pengalaman mistik *wijdaniyyat* mereka. Dari keadaan inilah mereka mengambil dan menggunakan banyak istilah falsafah dan cuba mempersesuaikan dengan hasil rasa-rohani.

Menurut Dr. Mikhael Mas'ud, masukan unsur-unsur falsafah ke dalam pengajian ilmu tasawwuf Islam berlaku akibat kesan-kesan luaran kehidupan Islam seperti melalui doktrin fana, baqa dan menunggal bersama Tuhan terkesan dari percampuran dengan praktikal pengajaran Hindu yang mempunyai persamaan sama ada dari segi nazari atau amali dengan apa yang terkandung dalam setengah kitab-kitab agama India, seperti kepercayaan doa dan nasyid-nasyid keagamaan, cara-cara riyadah, peribadatan, tafakur (meditasi), zikir dan ma'rifat yang dilakukan oleh sami-sami agama India dalam pelaksanaan juhud menurut ajaran Hindu, malah pemikiran kecintaan Ilahi juga berkesan dari pengajaran rahib dalam Kristian.³⁵

Pengambilan atau kemasukan unsur falsafah dalam pengajian ilmu tasawwuf dari apa pun sumbernya telah memberikan konotasi negatif yang mencemarkan kesucian ilmu tasawwuf khususnya pencemaran yang terhasil dari gagasan doktrin wahdatul wujud, menjadikan tasawwuf difahami sebagai cara hidup manusia yang semata-mata hanya untuk mencari kasih sayang Allah Ta'ala dan rasul-rasulNya dengan tujuan untuk mendekati diri pada Allah dan bersatu denganNya.³⁶ Pencemaran doktrin wahdatul wujud terhadap tasawwuf bertitik tolak daripada faham keesaan atau kesatuan yang disamaertikan dengan *ittihad* dalam bahasa Arab. Kesatuan (*ittihad*) sebagaimana yang diandaikan oleh ahli sufi adalah serupa dengan inkarnasi (hulul) yang dituntut oleh penganut kristian bagi al-Masih. Demikian juga anutan Syiah Imamiah dan Isma'iliyyah dari kalangan Rafidhah.³⁷ Aliran pemikiran Rafidhah berpendapat bahawa

³¹ Ismail bin Omar Abdul Aziz, Dr Ustaz Awang Haji (2003), *Tasawuf dan Tarikat Menurut Pandangan Ahli Sunnah Wal Jamaah*. Brunei: Pusat Da'wah Islamiah, h. 29-33.

³² Syarbasi, Dr Ahmad (1981), *Yasalunaka fi al-Din wa al-Hayat*. Beirut: Dar al-Jail, h. 559.

³³ Dr. Mikhael Mas'ud, (1993), *Udabā Falāsifah*. Beirut: Dar al-'Ilmi li al-Malayin, h. 97-101.

³⁴ Mohd. Sulaiman Haji Yasin, (1997), *Mengenal Ilmu Tasawuf (Pengantar)*. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, h. 132-134.

³⁵ Dr. Mikhael Mas'ud, (1993), *Udabā Falāsifah*. Beirut: Dar al-'Ilmi li al-Malayin, h. 97-101.

³⁶ Sangidu, Dr. M.Hum, (2008), *Wahdatul Wujud Polemik Pemikiran Sufistik antara Hamzah Fansuri dan Syamsuddin as-Sumatrani dengan Nuruddin ar-Raniri*. Indonesia: Gama Media, h. 28.

³⁷ 'Abd al-Rahman bin Khaldun, (1993), *Mukaddimah Ibn Khaldun*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah, h. 384-387.

tuhan itu serupa dengan manusia, cuma tidak mempunyai jisim.³⁸ Inkarnasi ini berlaku daripada sesuatu yang qadim di dalam ciptaan dan kesatuan yang lampau dengan yang sesudahnya.

Pencemaran pengajian ilmu tasawuf berlaku bila mana ahli sufi yang mengamalkan doktrin wahdatul wujud dalam amalan tasawwufnya terjerumus kepada kesatuan dirinya dengan Tuhan sama ada melalui hulul, ittihad atau pun tajalli. Andaian ittihad ini akan terhasil daripada pencapaian fana kecintaan Ilahi ahli sufi iaitu sebagaimana berlaku pada Husayn bin Mansur al-Hallaj (309H/922M) yang mendakwa rohnya bersatu dengan Zat Ilahi hingga dia berkata: "Akulah kebenaran (hak) dan kebenaran itulah aku".

Hulul terjadi dalam keadaan kesucian roh merasakan Tuhan telah menempati pada diri sufi dan ahli sufi (makhluq) bersatu dengan Tuhan (Pencipta) dalam ciri-ciriNya, wujudNya dan sifat-sifatNya.³⁹ Zat dan sifat Allah adalah sama dalam doktrin wahdatul wujud. Menurut Profesor Dr. Abdulfatah Haron, doktrin wahdatul wujud berkeyakinan jika Allah ada Zat dan di samping itu ada sifat, ini menjadikan Allah itu berbilang-bilang.⁴⁰ Oleh itu, Tuhan sebagaimana konsep Hamzah Fansuri adalah wujud semata tanpa sifat.⁴¹ Pemikiran ini dianggap sebagai sesuatu bersifat ilmiah dan logik, dan seringkali diberikan andaian sama seperti pendapat ahli falsafah Plato dan Socrates.⁴² Ini memberi laluan penafian sifat-sifat Allah yang menjadi pegangan kepercayaan akidah Ahli Sunnah Wal Jama'ah yang memperkenalkan kepercayaan sifat dua puluh Allah *subhanahu wa Ta'ala* dalam bab tentang ketuhanan. Keesaan Allah menurut kepercayaan akidah Ahli Sunnah Wal Jama'ah meliputi keesaan wujud, keesaan Zat dan keesaan ibadat. Allah Ta'ala satu-satunya yang patut disembah yang berhak wahdat al-'ibadah, tidak boleh mempersekutukan dengan apa sekalipun walau sedikit. Allah yang menciptakan segala apa yang ada di langit mahu pun yang terdapat di bumi. Ini semua mendorong kepada keEsaan Allah sahaja yang mempunyai ciri-ciri atau sifat-sifat Ilahi yang tidak akan ada setanding atau serupa dengannya. (ليس كمثلته شيء)⁴³

Allah *subhanahu wa Ta'ala* tidak ada sekutu bagiNya, maka tidak ada sesuatu pun persamaan apatah lagi bersatu makhluq dengan Khalik. Wajib mempercayai dan beriman tentang pernyataan yang disebutkan dalam al-Qur'an tentang Allah *subhanahu wa Ta'ala* tanpa ada keperluan mengetahui hakikat sebenar tentang zatNya. Namun ahli sufi mutakhir terlalu memberikan perhatian terhadap soal kasyf berbicara tentang pelbagai tanggapan inderawi hakikat Allah, singgahsana Allah (Arsy), kerusi Allah dan lain-lain ciptaan kerajaan Allah melalui suatu pengalaman-pengalaman mistik *wijdaniyyat* yang memberikan laluan seseorang sufi berkebolehan melihat dunia ketuhanan, maka wajah, tangan dan mata yang disebutkan dalam al-Qur'an sebagaimana terdapat pada jisim manusia menjurus kepada tasybih iaitu penyerupaan Allah Ta'ala dengan makhluq. Sedangkan ulama-ulama salaf dan ahli sufi terawal menghindar diri dari berbicara tentang hal-hal ghaib berkenaan Allah Ta'ala dan tidak melakukan sebarang takwilan dalam ayat-ayat mutasyabihat yang dilihat sebagai tindakan waspada atau pilihan jalan selamat dari mencebur diri dalam perkara yang amat diluar bidang kuasa kemampuan akal. Dalam membicarakan tentang zat Allah *subhanahu wa Ta'ala* serta sifat-sifatNya tidak mungkin dapat dicapai melalui akal semata, malah perlu secara daruri bantuan nas-nas wahyu Ilahi. Memikirkan tentang zat Ilahi dan percubaan mengetahui hakikatNya menjadi perkara diluar batas kemampuan akal. Bagaimana mungkin akal dapat menghurai zat Allah! Allah adalah al-Khaliq dan bukan sebahagian daripada makhluq.

Ahli sufi berfahaman doktrin wahdatul wujud mengakui Zat Allah tidak akan dapat diketahui melalui akal kerana sumber pengetahuan ialah qalb dan bukan akal. Alam tiada dan wujudnya daruri untuk mengetahui wujud hakiki melalui ilham yang diperolehi dalam keadaan kebersihan jiwa atau roh. Ahli sufi dalam riyadah tasawwuf akan tenggelam dalam pemerhatian kepada alam ghaib dan meningkat kepada ketinggian untuk bersatu dengan Tuhan (al-Ittisal dan fana), maka tercapailah makrifat. Dalam hal ini, Imam Abu al-Hasan al-Syazali memperingatkan ahli-ahli sufi agar tidak beramal dengan kasyf, tidak beramal dengan musyahadah dan tidak juga beramal dengan ilham melainkan selepas merujuk kebenarannya kepada al-Qur'an dan al-hadis.⁴⁴

Pemikiran doktrin wahdatul wujud membawa ahli sufi berkepercayaan bahawa Zat dan sifat Allah itu sama, maka ayat-ayat yang berkisar tentang sifat Ma'ani dan Af'al difaham sinonim dengan Zat Allah. Sifat-sifat Allah seperti Quadrat, Iradat, Ilmu, Sama', Basar dan Kalam berkaitan dengan makhluq. Sama ada Zat Allah dan sifatNya yang dimaksudkan ialah Zat Allah jua kerana doktrin wahdatul wujud menafikan Allah meliputi alam dengan sifat-sifatNya. Bertitik tolak dari sini, banyak ayat-ayat mutasyabihat dipergunakan secara salah oleh ahli sufi mutakhir yang terpengaruh dengan falsafah dalam usaha mereka membenarkan doktrin wahdatul wujud dengan penafsiran yang selari menurut kaedah tafsiran mereka sendiri iaitu menggunakan tafsiran secara *isyari* khususnya pada tanda-tanda tertentu.⁴⁵ Menurut Profesor Dr. Abdulfatah Haron, ayat-ayat mutasyabihat yang diperalatkan oleh penegak doktrin wahdatul wujud ialah seperti ayat 115 dan ayat 186 dari surah al-Baqarah, ayat 108 dan ayat 126 dari surah al-Nisa, ayat 17 dari surah al-Anfal, ayat 35 dari surah Nur, ayat 88 dari surah al-Qisas, ayat 11 dari surah al-fath, ayat 16 dari surah Qaf,

³⁸ Al-Asy'ary, Imam Abi al-Hasan 'Ali bin Ismail, (1990), *Maqālāt al-Islāmīyīn wa Ikhtilāf al-Mushallīn*. Beirut: al-Maktabah al-'Ashriyyah, h. 108.

³⁹ 'Abd al-Rahman bin Khaldun, (1993), *Mukaddimah Ibn Khaldūn*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiah, h. 384.

⁴⁰ Abdulfatah Haron Ibrahim, (1999), *Ahli Sunnah dan Wujudiah-Batiniah (Mengenal Ajaran Salah)*. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, h. 109.

⁴¹ Tanbih al-Māsyī, (1999), *Menyoal Wahdatul Wujud Kasus Abdurrauf Singkel di Aceh Abad 17*. Jakarta: Penerbit Mizan, h. 39.

⁴² 'Abd al-Rahman bin Khaldun, (1993), *Mukaddimah Ibn Khaldūn*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiah, h. 384.

⁴³ Al-Quran, al-Syura, 11.

⁴⁴ Abd al-'Aziz Ahmad Mansur, (1996), *Al-Tasawuf al-Islāmī al-Shahīh*. t.pnrbt, h. 76.

⁴⁵ Sheikh Khalid 'Abd al-Rahman al-'Eik, (1994), *Usūl al-Tafsīr wa Qawā'eduhu*. Beirut: Dar al-Nafaes, h. 237-240.

ayat 21 dari surah al-Zariyat, ayat 25 dari surah al-Rahman, ayat 85 dari surah al-Waqiah, ayat 3 dan ayat 4 dari surah al-Hadid.⁴⁶

Penegak doktrin wahdatul wujud mentafsirkan ayat-ayat al-Qur'an yang mutasyabihat sebagai hujah dan dalil dengan menyelaraskan penafsirannya ke arah mendokong dan membenarkan fahaman wahdatul wujud. Pemikiran wahdatul wujud telah pun ada dan diperkukuhkan dengan mana-mana petikan ayat mutasyabihat yang bersesuaian sebagai mendokong doktrin berkenaan. Melalui tafsiran wahdatul wujud, Tuhan apabila diteliti dari segi zatNya adalah munazzah (transenden) yang Tersembunyi dan yang Satu, dan Tuhan apabila diteliti dari segi nama-namaNya adalah mushabbah (imanen) yang Ternampak dan yang banyak. Tuhan sebagai satu-satunya wujud hakiki, zat yang munazzah, yang tersembunyi dan satu menampakkan diriNya melalui nama-namaNya dalam banyak bentuk yang tidak terbatas dalam alam semesta.⁴⁷

Menurut kaedah ilmu tauhid, sesungguhnya tanda-tanda zahir yang nampak di dunia ini menunjukkan kepada nama-nama Allah *subhanahu wa Ta'ala*, dan nama-nama Allah itu menunjukkan kepada sifat-sifatNya dan sifat-sifatNya menunjukkan kepada Zat Allah Ta'ala.⁴⁸ Dari tanda-tanda zahir ini menampakkan sifat-sifat perbuatan dan Zat kewujudan Allah Ta'ala. Keadaan ini samalah seperti buku, dari buku dapat diketahui tentang sifat dan dari situ dapat mengetahui tentang penulisnya. Jika buku mengenai sastera maka penulisnya dianggap adalah merupakan seorang sasterawan, jika buku berkaitan dengan sains, maka penulisnya adalah merupakan ahli sains, jika buku berkenaan matematik, maka penulisnya dipercayai merupakan seorang ahli matematik dan begitulah seterusnya.

Sekalipun kewujudan dunia amat berkait rapat dengan manusia, akan tetapi manusia tidak banyak mengetahui tentang hakikat benda-benda yang wujud melainkan dalam ruang lingkup pancaindera yang amat terbatas, begitu juga manusia tidak dapat mengetahui tentang urusan Allah Pencipta alam semesta (makrokosmos) termasuk manusia (mikrokosmos) melainkan berdasarkan apa yang dapat dilihat dari tanda-tanda benda yang zahir. Di sinilah hikmat ayat-ayat mutasyabihat sebagai kemudahan manusia mengambil perhatian dan hidayah petunjuk tentang hakikat kewujudan, namun begitu gambaran yang diberikan tentang Allah sudah setentunya tidak menepati sepenuhnya sebagaimana yang digambarkan oleh pancaindera manusia. Ini hanyalah kemudahan manusia sahaja untuk mengetahui tentang kebesaran, kekuasaan dan keagungan Allah Ta'ala.

Doktrin wahdatul wujud sama ada fahaman ahli sufi Nishapur mahupun ulama Nusantara termasuk pemikiran Hamzah Fansuri tentang Tuhan, alam semesta, manusia dan hubungan antara masing-masing ditentang keras oleh ulama Aceh Syekh Nuruddin ar-Raniri kerana menurutnya mempunyai persamaan dan tidak ada perbezaan dengan pandangan ahli falsafah Yunani, kaum Majusi bahkan Brahmanisme.⁴⁹ Jika demikian, pencemaran yang terhasil daripada doktrin wahdatul wujud membawa ahli sufi kepada kepercayaan segalanya Allah belaka⁵⁰ dalam semua bentuk ibadah termasuk amalan sufi dan peringkat-peringkat maqamnya. Maka segala bentuk ibadah dan upacara keagamaan tanpa mengira apa pun aliran pegangan kepercayaan beragama adalah sebagai manifestasi kepada hakikat Zat yang satu.⁵¹ Apa sahaja yang disembah merupakan ibadah yang bermaksud sama iaitu sembah Allah jua. Pemikiran begini menimbulkan konsep kesatuan semua agama dunia⁵² iaitu gagasan yang senada dengan aktivis pluralisme agama dan pemikiran Islam liberal yang sudah setentunya bercanggah dengan aqidah Ahli Sunnah Wal Jama'ah.

Secara globalnya, ulama-ulama fiqh menghukum doktrin wahdatul wujud sebagai bertentangan dengan akidah Ahli Sunnah Wal Jama'ah.⁵³ Secara khususnya di Malaysia, melalui Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Islam Malaysia pada Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan kali ke 48/2000 telah memutuskan Wahdatul wujud termasuk dalam perkara falsafah yang sememangnya tidak diajar oleh Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*. Oleh kerana ia bukan berasal dari ajaran al-Qur'an dan al-Sunnah, maka fahaman Wahdatul wujud menyalahi aqidah Ahli Sunnah Wal Jama'ah dan bertentangan dengan ajaran Islam. Jawatankuasa ini turut bersetuju dengan fatwa rasmi Negeri Johor oleh S.S. Syed Alwi Tahir al-Hadad yang diputuskan pada tahun 1948 berdasarkan pendapat ijma' ulama tentang fahaman wahdatul wujud yang dihukumkan sebagai kufur dan sesiapa yang mempercayai dan mengamalkannya adalah murtad. Pengeluaran fatwa hukum ini dilihat sebagai tindakan yang wajar lagi daruri ke arah membersihkan pengajian ilmu tasawuf dari anasir-anasir luaran yang telah sekian lama bertapak mencemarkan kesuciannya.

5. Kesimpulan

Pengajian ilmu tasawuf telah sempurna teratur bersistematik hasil ulama-ulama ahli sufi dalam dua kurun terawal Islam berasaskan kaedah-kaedah atas dasar yang betul dalam mentauhidkan Allah *subhanahu wa Ta'ala*, melazimkan diri dengan kitab Allah dan Sunnah Rasulullah, sentiasa bermujahadah dalam membersihkan diri dan hati dari sifat-

⁴⁶ Abdulfatah Haron Ibrahim, (1999), *Ahli Sunnah dan Wujudiah-Batiniah (Menenal Ajaran Salah)*. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, h. 101-110.

⁴⁷ Kautsar Azhari Noer, (1995), *Ibn al-'Arabi: Wahdat al-Wujud dalam Perdebatan*. Jakarta: Penerbit Paramadina, h. 223.

⁴⁸ Sa'id Hawa, (1981), *Allah*. Beirut: Dar al-Qalam, h. 140.

⁴⁹ Al-Attas, Syed Muhammad Naguib, (1970), *The Mysticism of Hamzah Fansuri*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press, h. 31.

⁵⁰ Abdulfatah Haron Ibrahim, (1999), *Ahli Sunnah dan Wujudiah-Batiniah (Menenal Ajaran Salah)*. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, h. 110.

⁵¹ Dr. Muhammad Mustafa Hilmi, (1996), *Keruhanian dalam Islam*. Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri, h. 151-152.

⁵² Zorouq, Dr. Abdullah Hasan, (1997), *Usul al-Tasawuf*. Kaerah: Maktabah al-Zuhara, h. 79.

⁵³ *ibid*, h. 148.

sifat keji dengan asas warak dan takwa dan iktiqad kepercayaan sebagaimana Ahli Sunnah Wal Jama'ah dan meninggalkan iktiqad yang sesat dan bid'ah. Jalan yang dilalui ahli sufi jelas terang bersumberkan al-Qur'an, al-hadis dan amalan para sahabat baginda Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*.

Tindakan ahli sufi mutakhir memasukkan aspek-aspek hakikat kerajaan tuhan dalam pengajian ilmu tasawuf mencemarkan tasawwuf apatah lagi unsur-unsur falsafah yang tidak bersumberkan Islam dipergunakan dalam membahaskan teori dan amali tasawwuf yang sudah setentunya mendatangkan pencemaran kepada keaslian tasawwuf. Doktrin wahdatul wujud sama ada pemikiran dari aspek maddi atau ruhi keduanya memberikan konotasi negatif kepada ahli sufi akibat terlanjur dengan rasa rohani merasakan diri telah bersatu dengan Allah (ittihad dan hulul) dan dengan demikian menjadikan mereka tergolong dalam orang-orang yang menyekutukan Allah *subhanahu wa Ta'ala*.

Dalam hal, setiap umat Islam mestilah berhati-hati mengambil sikap waspada agar tidak mudah terpengaruh dengan pihak-pihak yang cuba menganjurkan sesuatu bentuk amalan atau pun anutan yang berkaitan dengan kerohanian, apatah lagi dengan pengakuan lisan atau keluarbiasaan yang dihebohkan atau yang boleh dipertontonkan serta penampilan menarik seperti pakaian, perwatakan sufi yang dibuat-buat dan seumpamanya ini tidak boleh dijadikan sebagai lesen pengesahan kepada kebenaran amalan serta anutan kerohanian yang dibawa oleh seseorang.

Penghargaan

Penulis ingin mengucapkan terima kasih kepada Fakulti Usuluddin, KUPU SB atas bantuan dan maklumat yang diberikan untuk memastikan kejayaan kajian ini.

Rujukan

- [1] Abd al-'Aziz Ahmad Mansur, *Al-Tasawuf al-Islāmī al-Shahīh*, t.pnrbt, 1996
- [2] Abdulfatah Haron Ibrahim, *Ahli Sunnah dan Wujudiah-Batiniah (Menenal Ajaran Salah)*, Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 1999
- [3] Al-Attas, Syed Muhammad Naguib, *The Mysticism of Hamzah Fansuri*, Kuala Lumpur: University of Malaya Press, 1970
- [4] Al-Nisaburi, Abi al-Qasim 'Abd al-Karim Hawazin al-Qusyairi, *Al-Risālah al-Qusyairiah fī 'Ilmi al-Tasawuf*, Beirut: Dar al-Khair, 1991
- [5] Al-Asy'ary, Imam Abi al-Hasan 'Ali bin Ismail, *Maqālāt al-Islāmīyīn wa Ikhtilāf al-Mushallīn*, Beirut: al-Maktabah al-'Ashriyyah, 1990
- [6] 'Abd al-Rahman bin Khaldun, *Mukaddimah Ibn Khaldūn*, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiah, 1993
- [7] Dr. Mikhael Mas'ud, *Udabā Falāsifah*, Beirut: Dar al-'Ilmi li al-Malayin, 1993
- [8] Dr. Muhammad Mustafa Hilmi, *Keruhanian Dalam Islam*, Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri, 1996
- [9] H.O.K Rahmat, *Pencemaran Akidah di Nusantara*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1983
- [10] Ismail bin Omar Abdul Aziz, Dr. Ustaz Awang Haji, *Tasawuf dan Tarikat Menurut Pandangan Ahli Sunnah Wal Jamaah*, Brunei: Pusat Da'wah Islamiah, 2003
- [11] Kautsar Azhari Noer, *Ibn al-'Arabi: Wahdat al-Wujud dalam Perdebatan*, Jakarta: Penerbit Paramadina, 1995
- [12] Mohammad Reda al-Liwati, *al-Ma'rifat wa al-Nafs wa al-Ulūhiyyah fī al-Falsafati al-Islāmīyyati wa al-Madāris al-Falsafīyyati al-Ukhrā*, Beirut: Dar al-Saqi, 1994
- [13] Mohd. Sulaiman Haji Yasin, *Menenal Ilmu Tasawuf (Pengantar)*, Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 1997
- [14] Nasr, Seyyed Hossein, *Three Muslim Sages*, Cambridge: Havard University Press, 1969
- [15] Sa'id Hawa, *Allah*, Beirut: Dar al-Qalam, 1981
- [16] Sangidu, Dr. M. Hum, *Wahdatul Wujud Polemik Pemikiran Sufistik antara Hamzah Fansuri dan Syamsuddin as-Samatrani dengan Nuruddin ar-Raniri*, Indonesia: Gama Media, 2008
- [17] Sheikh Khalid 'Abd al-Rahman al-'Eik, *Usūl al-Tafsīr wa Qawā'eduhū*, Beirut: Dar al-Nafaes, 1994
- [18] Syarbasi, Dr Ahmad, *Yasalūnaka fī al-Dīn wa al-Hayāt*, Beirut: Dar al-Jail, 1981
- [19] Tanbīh al-Māsyī, *Menyoal Wahdatul Wujud Kasus Abdurrauf Singkel di Aceh Abad 17*, Jakarta: Penerbit Mizan, 1999
- [20] Zakaria Stapa & Mohamed Asin Dollah, *Islam Akidah dan Kerohanian*, Malaysia: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2001
- [21] Zaqqouk, Dr. Mahmoud Hamdi, *Dirāsāt fī al-Falsafah al-Hadīthah*, Kaherah: Dar al-Fikr al-'Arabi, 1993
- [22] Zaqqouk, Dr. Mahmoud Hamdi, *Tamhīd li al-Falsafah*, Kaherah: Dar al-Ma'arif, 1992
- [23] Zorouq, Dr. Abdullah Hasan, *Usūl al-Tasawuf*, Kaherah: Maktabah al-Zuhara, 1997